

DATE: 19/9 / 2008

UTUSAN MALAYSIA

Saya akan sertai UMNO pada masa yang tepat – Dr. M

umi-19/9/2008

PUTRAJAYA 18 Sept. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau hanya akan kembali menyertai UMNO pada suatu masa yang tepat.

Bercakap kepada pemberita di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini malam ini, Mahathir yang juga bekas Presiden parti itu berkata, pelbagai pihak telah berusaha meyakinkan dan memujuknya agar kembali kepada UMNO.

“Saya sedang memikirkan untuk menyertai semula UMNO tetapi saya akan menentukan sendiri masa yang sesuai.

“Permohonan (untuk menyertai semula UMNO adalah satu perkara, penerimaan mereka juga harus difikirkan. Jadi saya mahu waktu yang tepat (untuk menyertai semula),” katanya.


Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis dedikasi buku *chedet.com - Blog Merentas Halangan* hasil tulisan beliau di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Berita Publishing Sdn. Bhd., Datuk Mohd. Bisharuddin Mohd. Bashar dan Ketua Pengarangnya, Datuk A. Kadir Jasin.

Buku yang diterbitkan dalam dwibahasa oleh Berita Publishing itu merupakan koleksi tulisan dan pandangan Dr. Mahathir dalam blog beliau *www.chedet.com* yang telah dilayari lebih tujuh juta pengunjung.

Dr. Mahathir berkata, beliau didatangi oleh banyak pihak yang meyakinkan beliau bahawa beliau boleh membawa kebaikan kepada UMNO, parti yang menjadi tulang belakang kerajaan Barisan Nasional, jika menyertainya semula.

- Bernama



BUKU *chedet.com - Blog Merentas Halangan* koleksi tulisan Dr. Mahathir Mohamad.

DR. MAHATHIR Mohamad, A. Kadir Jasin (kanan) dan Mohd. Bisharuddin Mohd. Bashar meneliti buku *chedet.com - Blog Merentas Halangan* di Putrajaya, semalam.

